

<p>HELAIAN MAKLUMAN PRODUK Sila baca Helaian Makluman Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk memohon Pinjaman Peribadi/Pinjaman Peribadi Tambahan / Pinjaman Peribadi Penggabungan Baki Hong Leong. Sila pastikan terma dan syarat Pinjaman Peribadi juga telah dibaca. Sila dapatkan penjelasan daripada institusi anda jika anda tidak memahami mana-mana bahagian dalam dokumen ini atau terma dan syarat Pinjaman Peribadi.</p>	<p>Pinjaman Peribadi Hong Leong Tarikh:</p>
<p>1. Apakah produk ini? Kemudahan ini merupakan kemudahan pinjaman peribadi tanpa cagaran untuk membantu anda dalam memenuhi keperluan penggunaan peribadi anda. Ia dikira berdasarkan kadar tetap menghasilkan bayaran ansuran tetap sepanjang tempoh pembayaran.</p>	
<p>2. Apakah yang boleh saya perolehi? Jumlah pinjaman: RM _____ Tempoh: _____ tahun Kadar Faedah: _____% setiap tahun Kadar Faedah Efektif: _____% setiap tahun</p>	
<p>3. Apakah tanggungjawab saya? Ansuran bulanan tetap sepanjang tempoh pembayaran Ansuran Bulanan*: RM _____ Jumlah keseluruhan pada akhir tempoh pembayaran: RM _____ *Nota: Ansuran Bulanan akan dibundarkan ke atas RM5 yang terhampir.</p>	
<p>4. Apakah jenis yuran dan caj yang perlu dibayar? Duti Setem – 0.5% dari jumlah pinjaman dikenakan untuk setiap pinjaman.</p>	
<p>5. Bagaimana saya boleh membuat bayaran ansuran bulanan saya? Membuat bayaran ansuran bulanan anda adalah mudah melalui:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Arahan Tetap daripada akaun simpanan/semasa Hong Leong Bank/ Hong Leong Islamic Bank; • Perbankan Internet (www.hongleongconnect.my) atau melalui aplikasi telefon pintar atau aplikasi tablet; • Malaysian Electronic Payment System (MEPS) atau Interbank Giro (IBG) <p>Kaedah Bayaran alternatif:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pindahan ATM ke akaun pinjaman anda; • Deposit tunai ke akaun pinjaman anda melalui Mesin Deposit Tunai; • Deposit Cek ke akaun pinjaman melalui Mesin Deposit Cek; • Membuat pembayaran anda di kaunter Bank di cawangan yang terdekat. <p>Penting: * Bayaran pindahan GIRO (IBG) hanya RM0.10 bagi setiap transaksi dan bayaran IBG melalui mesin pengeluaran wang (ATM) adalah RM0.30 bagi setiap transaksi. ** Bermula 02/01/2015, RM0.50 yuran pemprosesan dan RM0.15 cukai setem akan dikenakan bagi sekeping cek yang dikeluarkan.</p>	
<p>6. Apakah yang akan berlaku jika saya gagal memenuhi tanggungjawab saya?</p> <ul style="list-style-type: none"> • Caj bayaran lewat sebanyak 1% setahun dari jumlah tertunggak akan dikenakan sehingga bayaran penuh, akan menyebabkan peningkatan ke atas baki pinjaman. • Kami boleh menolak sebarang baki kredit di dalam mana-mana satu akaun anda yang dikekalkan bersama kami untuk menyelesaikan baki tertunggak di dalam akaun pinjaman ini. • Tindakan undang-undang terhadap anda akan diambil jika anda gagal untuk bertindak balas terhadap notis peringatan. • Tindakan undang-undang terhadap anda boleh menjejaskan taraf kredit anda yang bakal membawa kepada kredit yang lebih sukar atau lebih mahal untuk anda. 	
<p>7. Apakah yang berlaku jika saya menyelesaikan sepenuhnya pinjaman sebelum tempoh matang? Peminjam boleh pada bila-bila masa melaksanakan penyelesaian awal pinjaman sepenuhnya dengan memberikan notis awal bertulis tiga (3) bulan kepada Bank, atau membayar faedah tiga (3) bulan ke atas amaun yang ditebus, sebagai gantian notis. Rebat untuk penyelesaian awal ("Rebat") ke atas baki faedah yang akan dicaj akan diberikan kepada Peminjam untuk tempoh belum tamat bermula selepas tempoh</p>	

notis tiga (3) bulan. Rebat akan dikira berdasarkan formula berikut** :

$$R = \frac{(n-3)(n-2)}{N(N+1)} \times I$$

di mana,

R Rebat (RM)
 n Bilangan Ansuran untuk jangka masa yang belum tamat
 N Tempoh Pinjaman
 I Kadar faedah yang perlu dibayar untuk keseluruhan tempoh pinjaman (RM)

Ilustrasi menunjukkan bagaimana Rebat dikira untuk Pinjaman 60 bulan (5 tahun) dengan amaun prinsipal RM50,000 dan kadar faedah sebanyak 12.5% setahun, tetapi dengan penyelesaian awal selepas 20 bulan (di mana notis penyelesaian awal diberikan kepada Bank sebelum tarikh perlu bayar Ansuran Bulanan seterusnya), disediakan seperti di bawah:

$$N = 60,$$

$$n = 60 - 20$$

$$I = 50,000 \times 12.5/100 \times 5 = 31,250$$

$$R = \frac{(40-3)(40-2)}{60(60+1)} \times 31,250 = \text{RM}12,000.78$$

Peminjam perlu membayar Ansuran Bulanan perlu bayar sepanjang tempoh belum tamat tertakluk kepada Rebat tersebut.

Nota: **Rebat akan dikira berdasarkan "Peraturan 78" atau "Jumlah Angka" di mana kaedah pengiraan pembahagian prinsipal dan faedah yang perlu dibayar untuk keseluruhan pinjaman mengandaikan bahawa faedah membentuk peratusan besar ansuran bulanan semasa peringkat awal pinjaman.

8. Adakah saya memerlukan penjamin atau cagaran?

Cagaran atau penjamin tidak diperlukan.

9. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan pada maklumat perhubungan saya?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada kami mengenai sebarang perubahan maklumat perhubungan anda untuk memastikan anda menerima semua surat-menyurat tepat pada masanya. Untuk mengemaskini maklumat perhubungan anda, sila kunjungi salah satu daripada cawangan kami di seluruh negara.

10. Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan dan membuat aduan?

- Jika anda mempunyai masalah untuk membuat pembayaran balik, anda seharusnya menghubungi kami secepat mungkin untuk membincangkan alternatif pembayaran semula. Anda boleh menghubungi kami di:
 Tel: +603-7952 3388 Fax: +603-7874 5050
 Emel: HLBBPFCREDITCONTROLCENTREPERSONALLOAN@hlbb.hongleong.com.my
- Alternatifnya, anda boleh mendapatkan khidmat Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan percuma mengenai pengurusan wang, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturan semula hutang untuk individu. Anda boleh menghubungi AKPK di:
 Tingkat 8, Maju Junction Mall, 1001, Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur. Tel: 03-2616 7766 Emel: enquiry@akpk.org.my
- Jika anda ingin menyumbang maklum balas mengenai produk atau perkhidmatan yang disediakan oleh kami, anda boleh menghubungi kami di: Service Recovery & Complaint Resolution – Customer Experience, Hong Leong Bank Berhad, Level 13A, Menara Hong Leong, No.6, Jalan Damanlela, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur. Contact Center : 03-7626 8899 Facsimile : 03-7946 8888
 E-mail : HLOnline@hlbb.hongleong.com.my
- Jika pertanyaan atau aduan anda tidak diselesaikan secara memuaskan oleh kami, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK di: Block D, Bank Negara Malaysia, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur.
 Tel: 1-300-88-5465 Fax: +603-2174 1515 E-mel : bnmtelelink@bnm.gov.my

11. Lain-lain pakej pinjaman peribadi yang disediakan:

- Pinjaman Peribadi Tambahan Hong Leong
- Pinjaman Peribadi Penggabungan Baki Hong Leong
- Pinjaman Ansuran Tetap Hong Leong

NOTA PENTING: TINDAKAN UNDANG-UNDANG BOLEH DIAMBIL TERHADAP ANDA JIKA ANDA TIDAK MENERUSKAN BAYARAN BALIK PINJAMAN PERIBADI ANDA.

Maklumat yang disediakan di dalam helaian makluman ini sah dari 15 Sep 2017.